



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BAHAGIAN MATRIKULASI  
MATRICULATION DIVISION  
ARAS 6 & 7, BLOK E15, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA**

Tel : 603-8884 4083  
Faks : 603-8884 4028  
603-8888 6864  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Tuan:  
Rujukan Kami: KPM.600-8/2/3 ( 72 )  
Tarikh: 04 Mei 2021

Pengarah  
Kolej-Kolej Matrikulasi

Pengarah  
Kolej MARA Kulim

Pengarah  
Kolej MARA Kuala Nerang

Tuan/ Puan,

**PERGERAKAN PULANG PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAMAT PENGAJIAN SESI 2020/2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, pelajar Program Matrikulasi KPM akan tamat pengajian sesi 2020/2021 pada **10 Mei 2021** dan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai tarikh berkenaan. KPM telah memutuskan bahawa pergerakan pulang pelajar adalah melalui kaedah berikut:

- i. Dijemput oleh ibu bapa/penjaga;
- ii. Menaiki kenderaan yang disediakan oleh pihak kolej; dan
- iii. Menggunakan pengangkutan darat, udara atau air (Sabah, Sarawak dan Labuan).

3. Sehubungan dengan itu, surat kebenaran bagi tujuan pergerakan ibu bapa/penjaga merentas negeri/ zon/ daerah akan dikeluarkan oleh pihak kolej bagi setiap pelajar. Kebenaran ini adalah untuk maksimum dua (2) orang ibu bapa/ penjaga dalam setiap kenderaan sahaja.

4. Walau bagaimanapun, pengurusan pergerakan ini perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang ditetapkan iaitu:

- i. Pelajar yang sedang dalam tempoh kuarantin perlu kekal berada di asrama/ kolej kediaman/ pusat kuarantin sehingga tamat tempoh kuarantin; dan

(sila nyatakan No. Rujukan Bahagian ini apabila berhubung)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: 0305 03277

CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: 0305 03277

- ii. Pelajar yang kolej mereka berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), mereka perlu kekal berada di asrama/ kolej kediaman sehingga tamat tempoh PKPD.
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak tuan/ puan boleh menghubungi pegawai-pegawai yang berikut:

- i. Nama pegawai: **En. Hasyidan bin Mohd Hussain**  
No. telefon: **017-515 6061**
- ii. Nama pegawai: **Cik Sulha binti Alias**  
No. telefon: **019-598 989**
- iii. Nama pegawai: **En. Muhammad Faidzol Azree bin Talib**  
No. telefon: **019-954 2884**

Segala perhatian dan kerjasama tuan/ puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Dr. HAJAH ROSNARIZAH BINTI ABDUL HALIM)**  
Pengarah

s.k.: Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Dasar dan Kurikulum

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan